

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Apakah faktor yang menyebabkan orang Yunani dikenali sebagai pelayar yang handal?

BUKU TEKS
m.s. 118

- A Galakan daripada pemerintah
- B Perkembangan teknologi maritim
- C Kedudukan Yunani berhampiran laut
- D Hubungan baik dengan tamadun China

2. Apakah kegiatan ekonomi bagi penduduk yang tinggal di luar kawasan *acropolis*?

BUKU TEKS
m.s. 119

- A Menjadi petani
- B Melombong emas
- C Menerajui pentadbiran
- D Menguruskan pelabuhan

3. Apakah negara-kota yang mempunyai keluasan paling kecil?

BUKU TEKS
m.s. 119

- A Sparta
- B Athens
- C Corinth
- D Olympia

4. Apakah fungsi Dewan Perhimpunan?

BUKU TEKS
m.s. 122

- I Menggubal undang-undang
- II Membuat deklarasi peperangan
- III Mengendalikan jabatan kerajaan
- IV Menjatuhkan hukuman kepada pesalah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Apakah bukti kerajaan Sparta mementingkan ketenteraan?

BUKU TEKS
m.s. 125

- A Pemerintah diketuai oleh Jeneral tentera
- B Kaum wanita tidak terlibat dalam politik
- C Hanya kaum lelaki boleh menjadi tentera
- D Kanak-kanak dan wanita dilatih menjadi tentera

6. Jadual berikut menunjukkan lokasi tamadun Rom.

BUKU TEKS
m.s. 127

Lokasi	Huraian
Sungai X	Terletak di Lembah Latium

Apakah X?

- A Sungai Tiber
- B Sungai Tigris
- C Sungai Pompei
- D Sungai Euphrates

7. Apakah faktor kemajuan seni bina dalam tamadun Rom?

BUKU TEKS
m.s. 128

- I Kepakaran
- II Ketenteraan
- III Pengaruh asing
- IV Dasar pemerintahan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8. Apakah ciri-ciri pembinaan bangunan dalam tamadun Rom?

BUKU TEKS
m.s. 129

- I Saiz yang besar
- II Tiang gaya Yunani
- III Dicat dengan warna putih
- IV Mempunyai tingkap yang banyak
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Apakah sumbangan Raja Vespian kepada kerajaan Rom?

BUKU TEKS
m.s. 130

- A Membina tembok pertahanan
- B Memulakan pembinaan *colosseum*
- C Membaik pulih kerosakan *akueduk*
- D Memperkenalkan tempat mandi awam

10. Apakah fungsi binaan berikut dalam tamadun Rom?

BUKU TEKS
m.s. 105



- A Menyalurkan air bersih
- B Menyembah dewa-dewi
- C Mengairi kawasan pertanian
- D Mengadakan acara gladiator

3. Nyatakan sistem pemerintahan yang betul.

Aristokrasi	Monarki	Oligarki	Demokrasi	Tirani
-------------	---------	----------	-----------	--------

(a) Sistem beraja berasaskan keturunan.

(b) Pemerintahan dikuasai oleh golongan bangsawan.

(c) Pemerintahan oleh sebahagian kecil golongan yang memiliki kuasa.

(d) Pemerintahan yang dipilih oleh rakyat melalui pengundian.

(e) Pemerintahan oleh golongan yang zalim dan menindas rakyat.